



POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

CARIMIN komited untuk memastikan Keselamatan dan Kesihatan untuk semua pekerja, pelawat, kontraktor dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Kami berhasrat untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, di mana setiap pekerja bekerja secara proaktif dan kolaboratif untuk menerapkan Keselamatan dan Kesihatan sebagai nilai teras dalam setiap kerja yang dilakukan. Kami percaya bahawa Keselamatan dan Kesihatan adalah teras daripada aktiviti perniagaan kami dan akan sentiasa berusaha untuk mencapai perkara berikut;

1. Melakukan penilaian risiko yang berkaitan dengan kecederaan dan kerosakan kepada harta benda di semua lokasi tempat kerja.
2. Melaksanakan pengawalan risiko yang efektif pada kadar terendah setakat yang praktik.
3. Mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan piawaian pelanggan.
4. Memastikan peningkatan yang berterusan di dalam prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
5. Memupuk budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dikehendaki.

Kami menghendaki semua pekerja kami mematuhi Polisi ini dengan ketat pada setiap masa.

Kami akan memastikan bahawa pelawat, kontraktor dan pihak berkepentingan yang berkaitan memahami dan mematuhi Polisi ini.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'M' followed by a horizontal line.

Mokhtar Hashim
Managing Director
15 JUN 2023



POLISI ALAM SEKITAR

CARIMIN komited untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan mengambil tindakan berkaitan perubahan iklim. Kami akan berusaha untuk mengawal dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar hasil daripada aktiviti-aktiviti Syarikat. Kami juga komited di dalam mematuhi undang-undang alam sekitar dan akan meneruskan amalan terbaik di dalam melindungi alam sekitar dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan amalan-amalan berikut;

1. Mengekalkan komunikasi yang berkesan dengan para pelanggan dan pihak berkepentingan bahawa isu alam sekitar dititikberatkan sepanjang operasi.
2. Mematuhi terhadap semua perundangan alam sekitar dan peraturan peraturannya, kod, piawaian serta keperluan undang-undang dan kehendak kontrak yang lain.
3. Melaksanakan dan menyelenggara sistem pengurusan alam sekitar yang memenuhi kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, peraturan-peraturan, kod dan arahnya serta lain-lain perundangan yang berkaitan.
4. Mengambil langkah penambahbaikan secara berterusan dan memperuntukkan tanggungjawab serta sumber dengan sewajarnya dalam semua bidang operasi Syarikat terutamanya berkaitan aktiviti yang memberi kesan pencemaran terhadap tanah, air dan udara.
5. Mencegah sebarang pencemaran dan penghasilan sisa bahan dalam operasi.
6. Memelihara sumber tenaga dan melupuskan produk berbahaya dan bahan sisa secara teratur.
7. Mendidik pekerja kami dan rakan niaga kami secara berterusan tentang penjagaan alam sekitar.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'M' followed by a horizontal line and a long, sweeping stroke.

Mokhtar Hashim
Managing Director
15 JUN 2023



POLISI PENYALAHGUNAAN DADAH DAN ALKOHOL

CARIMIN berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang selamat kepada semua pekerja dan ini termasuk tempat kerja yang bebas dari penyalahgunaan dadah dan alkohol. Adalah menjadi polisi kami bahawa:

1. Sebarang dadah yang tidak dibenarkan dan alkohol dilarang berada di tempat kerja.
2. Semua pekerja dan pekerja dari rakan niaga kami tidak boleh berada di bawah pengaruh dadah dan alkohol semasa melakukan kerja di premis Syarikat atau di lokasi yang ditentukan untuk melakukan kerja.
3. Ketidakpatuhan terhadap perkara di atas adalah menjadi kesalahan yang berat dan kemungkinan akan dikenakan tindakan dibuang kerja dengan kadar segera.
4. Syarikat mempunyai hak dan budi bicara untuk menjalankan ujian dadah dan alkohol kepada sesiapa sahaja yang bekerja di dalam kawasan syarikat, pada bila-bila masa.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, fluid loop followed by a horizontal line extending to the right.

Mokhtar Hashim
Managing Director
15 JUN 2023



POLISI PENGEMASAN

CARIMIN berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang selesa untuk semua pekerja kami. Pengemasan yang baik adalah faktor utama untuk mengelakkan kemalangan berkaitan kerja. Semua pekerja perlu mengambil inisiatif dalam mematuhi garis panduan seperti berikut:

1. Memastikan tempat kerja dan kemudahan stor simpanan dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
2. Memastikan laluan, tangga, dan laluan keluar bebas dari sebarang halangan setiap masa.
3. Jangan biarkan peralatan atau barang yang tidak digunakan lagi bertimbun/berlonggok. Jika tidak digunakan lagi, barang tersebut perlu dihapuskan atau peralatan tersebut disimpan semula.
4. Jika ada barang yang hilang, disalahguna atau kawasan itu mengalami kerosakan, pekerja perlu melaporkan kepada penyelia dengan segera.
5. Tempat kerja umum perlu digunakan dengan tertib. Sila pastikan kawasan tempat kerja umum itu dibersihkan dari segala sampah, sisa pembinaan dan bekas-bekas kosong supaya kekal dalam keadaan yang baik seperti sebelumnya.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, fluid loop followed by a horizontal stroke.

Mokhtar Hashim
Managing Director
15 JUN 2023



POLISI PEMANDUAN SELAMAT

CARIMIN komited untuk mengurangkan kemalangan kenderaan berkaitan kerja dengan memupuk budaya pemanduan berhemah. Adalah menjadi polisi kami untuk memastikan bahawa:

1. Semua kakitangan mempunyai kesedaran terhadap risiko ketika memandu waktu bekerja.
2. Semua kakitangan mematuhi undang-undang trafik yang berkaitan.
3. Semua kenderaan syarikat diselenggara supaya dalam keadaan selamat, bersih dan boleh dipandu untuk memastikan keselamatan pemandu, penumpang dan pengguna jalanraya yang lain.
4. Para pekerja akan sentiasa dididik tentang tabiat memandu yang baik.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, fluid loop followed by several horizontal strokes.

Mokhtar Hashim
Managing Director
15 JUN 2023



STOP WORK POLICY

CARIMIN is committed towards safety, health and environment at all our work places.

It is **Carimin's** policy that all employees, including all personnel of our partners, have the right to stop work when there is an immediate threat to the safety and health of any personnel or to the environment.

This Stop Work policy has the full support of the management. If there is any doubt as to whether the work should stop, the employee shall immediately notify his/her immediate supervisor to assess the risk of such situation or conditions.

DASAR HENTI KERJA

CARIMIN komited terhadap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar di semua tempat kerja.

Adalah menjadi polisi **CARIMIN** bahawa semua pekerja, termasuk semua pekerja rakan niaga, mempunyai hak untuk memberhentikan kerja sekiranya terdapat ancaman terhadap keselamatan dan kesihatan para pekerja atau ancaman terhadap alam sekitar.

Dasar henti kerja ini mendapat sokongan penuh dari pihak pengurusan. Jika ada sebarang keraguan sama ada kerja itu perlu dihentikan atau tidak, pekerja hendaklah memberitahu penyelia untuk menilai risiko terhadap situasi atau keadaan tersebut.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'M' followed by several horizontal strokes.

Mokhtar Hashim
Managing Director
15 JUNE 2023